



KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA

# BELANJAWAN

# 2021

RINGKASAN UNTUK  
Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)



# Belanjawan 2021 berteraskan kepada tiga matlamat utama

## TIGA MATLAMAT UTAMA

**1** Kesejahteraan Rakyat

**2** Kelangsungan Perniagaan

**3** Ketahanan Ekonomi

### STRATEGI

- I. Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam
- II. Memelihara Kebajikan Golongan Rentan
- III. Menjana dan Mengkalkan Pekerjaan
- IV. Mengutama Agenda Keterangkuman
- V. Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat

- I. Memacu Pelaburan
- II. Memperkuuh Sektor-Sektor Tumpuan
- III. Mengutama Automasi dan Pendigitalan
- IV. Memudah Akses Perniagaan

- I. Belanjawan Pengembangan
- II. Agenda Pembangunan di bawah RMK-12
- III. Memperkasa Peranan GLC dan Masyarakat Sivil
- IV. Menjamin Kelestarian Sumber
- V. Perkhidmatan Awam

# Ringkasan Inisiatif Utama

## 1 Kesejahteraan Rakyat

1. **Bantuan Prihatin Rakyat:** RM6.5 bilion untuk 8.1 juta penerima **Memudahcara pembayaran pinjaman** sehingga RM150,000 untuk semua B40, serta M40 yang kehilangan pekerja atau pendapatan terkesan bermula Disember 2020:
  - a. Moratorium 3 bulan
  - b. Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% untuk 6 bulan
2. **Pengeluaran bersasar Akaun 1 KWSP:** RM500 sebulan sehingga maksimum RM6,000 atau 12 bulan
3. **Lanjutan 3 bulan Elaun Mencari Kerja** pada tahun 2021 berjumlah RM150 juta
4. **Program Jaringan PRIHATIN** RM1.5 bilion dengan padanan syarikat telekomunikasi RM1.5 bilion: kredit telekomunikasi RM180 untuk setiap 8 juta penerima B40
5. **Penurunan bayaran KWSP kepada 9% dari 11%** untuk 12 bulan
6. **Pas Bulanan Tanpa Had My30** Lembah Klang, Kuantan, Pulau Pinang
7. **Membendung gelombang ketiga COVID-19:** RM1 bilion
8. **RM2.7 bilion menambahbaik infrastruktur luar bandar**
9. **Projek infrastruktur jalan raya:** RM3.8 bilion
10. **Menghapus faedah hutang kebun peneroka FELDA** dan program pembangunan peneroka: RM400 juta
11. **Menyelenggara sekolah Kerajaan** dan sekolah bantuan Kerajaan: RM800 juta
12. **Menyokong pembangunan Bumiputera:** RM11.1 bilion
13. **Komputer riba untuk 150,000 pelajar:** RM150 juta dari GLC dan GLIC

## 2 Kelangsungan Perniagaan

1. **Program Subsidi Upah 2.0:** RM1.5 bilion peruntukan Program Subsidi Upah 2.0, dengan had pekerja dinaikkan kepada 500 pekerja dari 200 pekerja untuk sektor pelancongan dan peruncitan
2. **Insentif pengambilan pekerja PenjanaKerjaya di bawah PERKESO:** RM2 bilion
3. **Geran Khas Prihatin Tambahan** RM1,000 untuk pemandu teksi, e-hailing, kereta sewa, dan pemandu pelancong di Sabah
4. **Skim JanaKerja:** RM3.7 bilion untuk menyediakan 500,000 peluang pekerjaan
5. **Lanjutan Skim Infrastruktur Pelancongan:** RM1 bilion
6. **RM50 juta** program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerangan di Malaysia
7. **RM2.5 bilion** projek kontraktor G1 ke G4

## 3 Ketahanan Ekonomi

1. **Projek berskala besar:** RM15 bilion, termasuk:
  - a. Lebuhraya Pan Borneo,
  - b. Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru dan
  - c. Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa Pertama
2. **Projek infrastruktur jalan raya:** RM3.8 bilion
3. **Pelaksanaan inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA):** RM7.4 bilion
4. **Projek High-Speed Rail**
5. **Sistem Transit Rapid** Johor Bahru-Woodland, Singapore
6. **MRT3** Lembah Klang
7. **Pakej galakan pelaburan berteknologi & nilai tambah tinggi:** RM1 bilion
8. **RM780 juta bagi lima koridor wilayah pembangunan ekonomi**, projek-projek pembangunan akan diteruskan dengan peruntukan bagi tahun 2021
9. **Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Sabah:** RM5.1 bilion, **Sarawak:** RM4.5 bilion
10. **Dana Green Technology Financing Scheme** RM2 bilion

# Ringkasan Inisiatif Belanjawan : MOT

## Peruntukan Kementerian :

- Jumlah peruntukan MOT adalah sebanyak **RM6.05 bilion** dengan peningkatan **67.47%** berbanding dengan tahun sebelum.
- Perbelanjaan Mengurus **RM1.88 bilion** dan Perbelanjaan Pembangunan **RM4.17 bilion**.

1. RM15 bilion disediakan bagi membiayai antaranya projek Lebuhraya Pan Borneo, Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru dan Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa Pertama.
2. Projek High Speed Rail dilaksanakan secara tender dan dijangka bermula pada tahun 2021.
3. Beberapa projek lain yang akan diteruskan seperti Sistem Transit Rapid dari Johor Bahru ke Woodland, Singapura dan MRT3 di Lembah Klang.
4. Program Transformasi Bas Henti-henti (SBST)
  - i. Perluasan Program SBST ke Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuantan secara berfasa pada tahun 2021 hingga 2023 dengan peruntukan RM150 juta

# Ringkasan Inisiatif Belanjawan : MOT

5. Insentif Pas Bulanan Tanpa Had My30 dengan harga RM30
  - i. Pas bulanan ini hanya boleh digunakan bagi pemegang MyKad dan MyTentera yang mempunyai fungsi Touch 'n Go terbina dalam, dan juga kad konsesi MyRapid bagi pelajar di bawah usia 12 tahun;
  - ii. My30 Lembah Klang membolehkan penumpang menggunakan perkhidmatan bas MyRapid dan rel; dan
  - iii. My30 Kuantan dan Pulau Pinang membolehkan penumpang menggunakan perkhidmatan bas MyRapid sahaja.
6. Insentif Pas Bulanan Tanpa Had KTMB dengan harga RM5
  - i. Pas bulanan untuk anak-anak tahun 1 hingga tingkatan 6 yang berulang-alik ke sekolah dan golongan OKU; dan
  - ii. Pas ini untuk perkhidmatan tren komuter Lembah Klang, komuter utara, tren antara bandar Kuala Lipis dan Tumpat dan tren Sabah di jajaran Beaufort-Tenom.
7. Jabatan Pengangkutan Jalan akan menambah bilangan kiosk untuk beberapa perkhidmatan utama seperti pembaharuan lesen kenderaan motor.

# Ringkasan Inisiatif Belanjawan : MOT

8. Geran Khas Prihatin Tambahan sebanyak RM1,000 untuk pemandu teksi, e-hailing, kereta sewa dan pemandu pelancong di Sabah
9. Pengecualian cukai jualan bagi pembelian bas siap termasuk penyaman udara yang dipasang dalam negara akan dilanjutkan bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.